

# Jangan jadikan pelajar IPT tenaga kerja murahan

## Majikan perlu tawar latihan sesuai dengan bidang dipelajari

Oleh S Anand Kumar  
anand@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia memberi ingatan kepada semua majikan yang menawarkan latihan industri supaya tidak menjadikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang mengikuti latihan itu sebagai 'tenaga kerja murahan'.

Menterinya, Datuk Dr S Subramaniam, berkata pihaknya juga akan mengadakan pertemuan bersama Kementerian Pengajian Tinggi dalam tempoh terdekat ini bagi membincangkan mekanisme khusus berhubung modul latihan industri.

"Latihan industri ini se-

benarnya bertujuan untuk pelajar IPT atau sesiapa saja yang mengikutinya untuk mendapat pendedahan berhubung bidang yang dipelajari mereka.

"Majikan atau sektor yang menawarkan latihan industri ini perlu bertanggungjawab dan tidak menjadikan pelajar sebagai 'tenaga kerja murahan'. Kementerian akan turut memantau isu ini secara rapi," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran 'Blog Gaji Minimum' di Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di sini, semalam.

Dr Subramaniam berkata demikian ketika mengulas laporan muka depan *Berita Harian*, kelmarin berhubung

pendedahan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) terdapat pelajar IPT yang menjalani latihan praktikal diberi tugasan remeh, termasuk membuat salinan fotostat dan membancuh minuman untuk pegawai atasan.

Sementara itu, Dr Subramaniam berkata, kajian Bank Dunia mendapati peningkatan gaji di negara ini hampir seimbang iaitu pada kadar 2.6 peratus bagi tempoh 10 tahun yang lalu.

Katanya, bagi tempoh yang sama, kebanyakan syarikat membuat keuntungan yang besar dan kemungkinan tidak berkongsi keuntungan yang diperoleh dengan pekerja masing-masing.

"Sehubungan itu, kerajaan

melalui kementerian ini sedang mengkaji kemungkinan pelaksanaan gaji minimum kebangsaan untuk pekerja swasta di negara ini," katanya.

Mengenai blog itu, Dr Subramaniam berkata, ia bertujuan mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk pembangkang berhubung gaji minimum sektor swasta selaras dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang berteraskan ekonomi berpendapatan tinggi.

"Orang ramai bolehemukakan pandangan mereka melalui blog itu di alamat [blog.mohr.gov.my](http://blog.mohr.gov.my) atau mengemukakan cadangan mereka kepada [gaji\\_minimum@mohr.gov.my](mailto:gaji_minimum@mohr.gov.my)," katanya.